



KPATB

2024 **LAPORAN** TAHUNAN

KPATB

**KOPERASI PERUMAHAN
ANGKATAN TENTERA BERHAD**




ISI KANDUNGAN

BIL PERKARA	MUKA SURAT
1. PROFAIL KOPERASI	2
2. CARTA OGRANISASI ALK 2024/2025	3
3. CARTA OGRANISASI KAKITANGAN 2024/2025	4
4. NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-55	5
5. MINIT MESYUARAT AGUNG KE-54	6 - 11
6. SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENENTUSAH MINIT	12
7. LAPORAN LEMBAGA KOPERASI 2024	13 - 17
8. LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JKAD) BERAKHIR 31 DISEMBER 2024	18 - 22
9. LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN 2024	23 - 70
10. HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN & SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI	71
11. CALON-CALON ANGGOTA LEMBAGA	72


PROFAIL KOPERASI

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	PW I Meor Mohd Faizul bin Abd Karim Kapt Ahmad Tormudi bin Jaafar (Bersara) PW II Zairul Efan bin Zainol Abidin En. Samsuddin bin Ahmad Lt Kol Shahrul Nizam bin Shaf'in Lt Kol Elias bin Abd Ghani (B) PW I (YoS) Nurzalifah binti Mohd Nor Kpl Wan Asri bin Wan Ibrahim En. Mohd Zaki bin Ismail	Pengerusi Naib Pengerusi Setiausaha Bendahari Anggota Lembaga Anggota Lembaga Anggota Lembaga Anggota Lembaga Anggota Lembaga
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	Mej Mohd Sazwan Sa'aidi SSjn Mohd Shahril Hafiz bin Mohamad En. Hairul Azhar bin Sirojudin	Ketua Anggota Anggota
JURUAUDIT LUAR	A.Razak & Co 51-2D, 2 nd Floor Jalan Pandan 3/10, Pandan Jaya 55100 Kuala Lumpur	Juruaudit Koperasi Akauntan Bertauliah AF 001959
KAKITANGAN PENGURUSAN	Rozimi Azmera bin Repin Zarina binti Ahmad Nor Fariha binti Masaod Noor Hidayana binti Yahya Nurul Farhanan binti Zakaria Mariana binti Mohamad Sallah Asnizukacaras bin Saari Siti Fatimah binti Abdul Rahman Suhani binti Idris Muhammad Fakhrul Idham bin Zapri Zahari bin Awang Isa	Ketua Pegawai Eksekutif Pegawai Teknologi Maklumat Pegawai Keanggotaan Pegawai Kutipan Eksekutif Pelaburan & Pemasaran Setiausaha Eksekutif Eksekutif Akaun Penyelia Pembiayaan Kerani Kutipan Pembantu Pejabat Penyelia Koruss Amandani
PENDAFTARAN	: 4093 Bil. Koop : 473/1, 05 April 1965	
NO TELEFON	: 03 – 41427071 / 7072	
NO FAKS	: 03-41425294	
ALAMAT	: No. 35A-1-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II) 53300 Kuala Lumpur	
LAMAN WEB	: portal.kpatb.com.my	
E-MEL	: kpatb@kpatb.com.my	
SUBSIDIARI	: Kpat Resources Sdn Bhd (1315313-H)	

CARTA OGRANISASI **ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2024-2025** **KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD**



CARTA ORGANISASI KAKITANGAN TAHUN 2024 - 2025 **KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD**




NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE 55

DENGAN INI ADALAH DIBERITAHU bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke 55
Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad (KPAT) akan diadakan
Secara ATAS TALIAN
pada **21 September 2025 (AHAD)**

AGENDA MESYUARAT

1. Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang anggota dan 4 orang anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan.
2. Memilih dan melantik 3 orang Anggota Lembaga Koperasi yang baru.
3. Mengesah dan meluluskan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 54 yang telah diadakan pada 29 September 2024.
4. Menimbang akaun-akaun teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 serta laporan-laporan Lembaga dan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (jika ada) serta mengisytiharkan tiada dividen dan tiada hibah ke atas yuran, syer dan simpanan anggota-anggota sebagaimana yang dicadangkan oleh Lembaga serta tiada bayaran honorarium kepada Anggota Lembaga termasuk meluluskan Anggaran Pendapatan dan Belanjawan bagi tahun 2026 dan perbelanjaan anggota-anggota Lembaga.
5. Melantik panel Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi.
6. Menetapkan had maksima keterhutangan Koperasi sebanyak RM 500 juta bagi tahun 2025 / 2026 dengan kadar faedah tidak melebihi kadar pasaran semasa.
7. Menimbang & meluluskan skop & had pelaburan Koperasi bagi tahun 2025 / 2026.
8. Mendengar, menimbang dan memutuskan apa-apa urusan lain Koperasi ini yang suatu notis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan.

Dengan Perintah Lembaga,



PW II ZAKRUL EFAN BIN ZAINOL ABIDIN
Setiausaha
Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad

TARIKH: 04 SEPTEMBER 2025

NOTA:

Tertakluk kepada undang-undang kecil 16, setiap anggota yang hadir akan menerima Elaun Kehadiran yang ditetapkan.

Undang-undang Kecil 16 memperuntukkan tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran penuh satu ratus ringgit syer dan yuran bulanan boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota semasa Mesyuarat Agung tersebut.

Anggota-anggota yang ingin penjelasan atau mengesyorkan mengenai sesuatu, adalah dikehendaki menghantar pertanyaan mereka itu secara bertulis kepada Setiausaha Koperasi sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat tersebut diadakan.

Pendaftaran mesyuarat akan dimaklumkan di dalam Laman Web Koperasi iaitu portal.kpatb.com.my.

Anggota-anggota yang ingin menyertai Mesyuarat Agung Tahunan Ke 55 boleh mengikuti rangkaian yang akan dinyatakan di Laman Web Koperasi iaitu portal.kpatb.com.my.

NOTIS DAN LAPORAN TAHUNAN 2024 BOLEH DIPEROLEH ATAU AKSES MELALUI LAMAN WEB KOPERASI iaitu portal.kpatb.com.my ATAU MENGHUBUNGI KOPERASI INI DI ALAMAT DI ATAS.

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 54

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD (KPATB)

Secara Atas Talian melalui Zoom Webinar
di Bilik Mesyuarat KPATB
No. 35A-2-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5
Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II), 53300 Kuala Lumpur
pada 29 September 2024 (Ahad) jam 10.30 pagi

KEHADIRAN

Seramai 503 orang anggota telah mendaftar secara atas talian termasuk 8 Anggota Lembaga Koperasi (ALK) 2023/2024 iaitu :-

Kapt Ahmad Tormudi bin Jaafar (Bersara) (N/A:6076)	Pengerusi
PW I Meor Mohd Faizul bin Abd Karim (N/A:32247)	Setiausaha
En. Samsuddin bin Ahmad (N/A:18161)	Bendahari
En. Kamal bin Ahmad (N/A:18090)	Anggota Lembaga
En. Mohd Zaki bin Ismail (N/A:19507)	Anggota Lembaga
PW I (YoS) Nurzalifah binti Mohd Nor (N/A:41550)	Anggota Lembaga
PW II Zairul Efan bin Zainol Abidin (N/A:45147)	Anggota Lembaga
Kpl Wan Asri bin Wan Ibrahim (N/A:42250)	Anggota Lembaga

Turut Hadir:

En Rozimi Azmera bin Repin	Pengurus Besar
----------------------------	----------------

PENDAHULUAN

Ini adalah Mesyuarat Agung Tahunan ke 54 Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad (KPATB).

- Mesyuarat kali ini telah dipengerusikan oleh Kapt Ahmad Tormudi bin Jaafar (Bersara) yang telah diberi mandat di bawah Undang-Undang Kecil 34 (1) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung kali ini.
- Pengerusi seterusnya mengisytiharkan jumlah kehadiran anggota secara atas talian sehingga jam 10.30 pagi adalah seramai 503 orang daripada jumlah anggota 3,950 orang yang layak sehingga 28 Ogos 2024.
- Kehadiran tersebut adalah mencukupi untuk anggota mesyuarat mengikut Jadual VI, Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 iaitu 1/8 (satu per lapan) daripada jumlah anggota atau 500 orang mengikut mana yang kurang.
- Notis pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan ke 54 telah dimaklumkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 24 September 2024.
- Notis Mesyuarat Agung Tahunan telah disiarkan di dalam Berita Harian bertarikh 16 September 2024.
- Pengerusi memaklumkan notis dan laporan tahunan telah dimuat naik ke dalam laman web Koperasi (portal.kpatb.com.my) pada 16 September 2024 dan boleh diakses mulai hari yang sama.
- Notis pencalonan bagi penamaan calon Anggota Lembaga Koperasi (ALK) telah diiklankan dalam akhbar Berita Harian pada 04 Jun 2024 dan tarikh tutup pencalonan pada 19 Jun 2024.

- h. Penentusahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi pelantikan ALK di bawah subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993 sepertimana terkandung dalam garis panduan yang ditetapkan (GP3) bagi semua calon ALK melalui surat SKM bertarikh 27 Julai 2024.
- i. SKM telah mengesahkan kesemua 3 calon layak bertanding sebagai ALK melalui surat tersebut.

AGENDA 1: MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG ANGGOTA KOPERASI DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 54

- 1.1 Selaras dengan arahan Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 1/2003 bertarikh 1 Julai 2003 (Para 3.2.2 Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi) mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik enam orang anggota berikut menganggotai Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 54 iaitu:

Bil	Anggota yang dipilih	Dicadang	Disokong
1	Kpl Mohamad Hafiz bin Ismail (N/A:41546)	Sjn Mohd Shahril Hafiz bin Mohamad (N/A:38614)	Sjn Mohd Aliff Zhafrie bin Marzani (N/A:29090)
2	Sjn Mohd Shahril Hafiz bin Mohamad (N/A:38614)	Kpl Muhd Aznil bin Ahmad (N/A:41031)	Kpl Ridhzuan bin Ahmad (N/A:29490)
3	Sjn Mohd Aliff Zhafrie bin Marzani (N/A:29090)	Kpl Hamiduddin bin Hamidon (N/A:41636)	Kpl Mohamad Hafiz bin Ismail (N/A:41546)
4	Kpl Muhd Aznil bin Ahmad (N/A:41031)	Sjn Mohd Shahril Hafiz bin Mohamad (N/A:38614)	Kpl Mohamad Hafiz bin Ismail (N/A:41546)
5	Kpl Ridhzuan bin Ahmad (N/A:29490)	Sjn Mohd Aliff Zhafrie bin Marzani (N/A:29090)	Kpl Hamiduddin bin Hamidon (N/A:41636)
6	Kpl Hamiduddin bin Hamidon (N/A:41636)	Kpl Ridhzuan bin Ahmad (N/A:29490)	Kpl Muhd Aznil bin Ahmad (N/A:41031)

- 1.2 Empat anggota Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat di kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang dilantik ialah Kapt Ahmad Tormudi bin Jaafar (Bersara) (N/A:6076), PWI Meor Mohd Faizul bin Abd Karim (N/A:32247), PW II Zairul Efan bin Zainol Abidin (N/A:45147), Kpl Wan Asri bin Wan Ibrahim (N/A:42250).
- 1.3 Pengerusi mengumumkan pelantikan Jawatankuasa Penentusah Minit ditutup melalui cadangan SSjn Fekri bin Muhamad (N/A:43266) dan disokong oleh Kpl Muhd Aznil bin Ahmad (N/A:41031).

AGENDA 2: MEMILIH DAN MELANTIK TIGA CALON ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI YANG BARU

- 2.1 Pengerusi memaklumkan tiga calon ALK akan dipilih bagi mengisi kekosongan jawatan ALK yang gugur mengikut giliran iaitu Kapt Ahmad Tormudi bin Jaafar (Bersara) (N/A:06076), En. Samsuddin bin Ahmad (N/A:18161), En. Kamal bin Ahmad (N/A:18090) dan En. Mohd Zaki bin Ismail (N/A:19507) sepertimana yang termaktub di dalam Undang-Undang Kecil 37(1).

2.2 Tiga calon menang tanpa bertanding dan telah disahkan layak oleh SKM adalah:

- a. Kapt Ahmad Tormudi bin Jaafar (Bersara) (N/A:06076)
- b. En. Samsuddin bin Ahmad (N/A:18161)
- c. En. Mohd Zaki bin Ismail (N/A:19507)

AGENDA 3: MENGESAH DAN MELULUSKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 53 YANG DIADAKAN PADA 22 OKTOBER 2023

- 3.1 Pengerusi memaklumkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 53 bertarikh 22 Oktober 2023 telah disemak dan ditentukan oleh Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan pada 22 Oktober 2023 sepertimana pada muka surat 7 hingga 12 buku Laporan Tahunan 2023.
- 3.2 Memandangkan minit mesyuarat tersebut telah disemak dan ditentukan oleh jawatankuasa yang dipilih dan dilantik, Kpl Ridhzuan bin Ahmad (N/A:29490) mencadangkan Minit Mesyuarat Tahunan Kali ke 53 tersebut disahkan dan diluluskan. Cadangan beliau disokong oleh Kpl Hamiduddin bin Hamidon (N/A:41636).

AGENDA 4: MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA, AKAUN-AKAUN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023, SERTA MENGISYTIHARKAN TIADA DIVIDEN KE ATAS YURAN DAN TIADA HIBAH KE ATAS SIMPANAN ANGGOTA-ANGGOTA SERTA TIADA HONORARIUM KEPADA ANGGOTA LEMBAGA

- 4.1 Laporan Lembaga Koperasi (muka surat 13 hingga 17) dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 (muka surat 18 hingga 60) yang terkandung di dalam Buku Laporan Tahunan 2023 sepertimana dimaklumkan oleh Pengerusi dan dipaparkan semasa mesyuarat.
- 4.2 Berdasarkan prestasi kewangan mengikut Laporan Tahunan 2023 yang merekodkan kerugian, Pengerusi mengumumkan tiada dividen ke atas Modal Yuran, Syer dan Hibah bagi tahun 2024 serta tiada bayaran Honorarium kepada Anggota Lembaga.
- 4.3 Kpl Mohamad Hafiz bin Ismail (N/A:41546) mencadangkan Agenda 4 serta laporan-laporan berkaitan dengannya diluluskan dan disokong oleh Lt Kol Mohd Shafriz bin Othman (N/A:09184).

AGENDA 5: MENIMBANG DAN MELULUSKAN UNJURAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2025

- 5.1 Agenda 5 dibentangkan sepertimana di muka surat 61 Buku Laporan Tahunan 2023.
- 5.2 PW U I Hairul Azhar bin Sirojudin (N/A:21532) mencadangkan supaya Unjuran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2025 diluluskan. Cadangan beliau disokong oleh Sjn Sanggah Anak Tri (N/A:37928).

AGENDA 6: MELANTIK PANEL JURUAUDIT LUAR UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI

- 6.1 Pengerusi mencadangkan empat firma juruaudit luar koperasi sebagai panel untuk mengaudit akaun koperasi bagi tahun 2024 iaitu:
 - a. A. Razak & Co
 - b. AljeffriDean
 - c. MNZ Waja Associates
 - d. Atarek Kamil Ibrahim & Co

- 6.2 Pengerusi memohon untuk diberi mandat kepada ALK melantik panel juruaudit luar bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi sepertimana yang dicadangkan di atas. Kpl Wan Mohamad Sabri bin Abd Tolib (N/A:39655) mencadangkan supaya Agenda 6 diluluskan. Cadangan itu telah disokong oleh SSjn Mohamad Hafiz bin Othman (N/A:29122).

AGENDA 7: MENETAPKAN HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN KOPERASI SEBANYAK RM 500 JUTA BAGI TAHUN 2024/2025 DENGAN KADAR FAEDAH TIDAK MELEBIHI KADAR PASARAN SEMASA

- 7.1 Pengerusi membentangkan had maksima keterhutangan seperti yang dinyatakan di dalam muka surat 62, Buku Laporan Tahunan 2023 adalah seperti berikut:

7.1.1	Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti pembiayaan kepada anggota	RM 300 juta
7.1.2	Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti pelaburan, perumahan, pembinaan, pembangunan dan pertanian	RM 130 juta
7.1.3	Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti perniagaan, pembekalan dan perusahaan	RM 50 juta
7.1.4	Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti perkhidmatan, pelancongan dan pengangkutan	RM 20 juta
JUMLAH HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN		RM 500 juta

- 7.2 Anggota Lembaga Koperasi akan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak SKM sebelum pinjaman luar diperolehi.

- 7.3 Agenda 7 dicadangkan oleh Kpl Muhd Aznil bin Ahmad (N/A:41031) untuk diluluskan dan disokong oleh Kpl Wan Mohamad Sabri bin Abd Tolib (N/A:39655).

AGENDA 8: MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI BAGI TAHUN 2024/2025

- 8.1 Pengerusi membentangkan perihal skop dan had pelaburan setiap aktiviti yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

8.1.1	Aktiviti pembiayaan kepada anggota	RM 300 juta
8.1.2	Aktiviti pelaburan, perumahan, pembinaan, pembangunan dan pertanian	RM 130 juta
8.1.3	Aktiviti perniagaan, pembekalan dan perusahaan	RM 50 juta
8.1.4	Aktiviti perkhidmatan, pelancongan dan pengangkutan	RM 20 juta
JUMLAH HAD PELABURAN		RM 500 juta

- 8.2 SSjn Mohamad Hafiz bin Othman (N/A:29122) mencadangkan Agenda 8 diluluskan dan disokong SSjn Fekri bin Muhamad (N/A:43266).

AGENDA 9: MENDENGAR, MENIMBANG DAN MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN KOPERASI INI YANG SATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN.

- 9.1 Pengerusi memaklumkan pihak pengurusan telah menyediakan peti usul bermula 13 September 2024 sehingga 20 September 2024. Terdapat 2 cadangan usul diterima daripada anggota dan 1 cadangan usul daripada Anggota Lembaga Koperasi.
- 9.2 Cadangan usul daripada Anggota Lembaga Koperasi adalah pindaan Jumlah Jawatankuasa untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad di dalam Undang-Undang Kecil.
- 9.3 Merujuk kepada Undang-Undang Kecil Koperasi seperti di bawah :-

Fungsi mesyuarat agung

33. (1) Fungsi mesyuarat agung tahunan hendaklah termasuk yang berikut :-

- (l) melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada **enam orang anggota dan empat orang anggota Lembaga** untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan;

- 9.4 Lembaga bersetuju meminda fasal (1) seperti di bawah :-

33. (1) Fungsi mesyuarat agung tahunan hendaklah termasuk yang berikut :-

- (l) melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada **tiga orang anggota dan dua orang anggota Lembaga** untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan;

- 9.5 Terdapat 2 usul yang dikemukakan oleh ahli di bawah :-

Nama Anggota : Lt Kol Md Nasir bin Jusoh
No. Tentera : T3005391
No. Anggota : 19546

- 9.6 **Usul Pertama**

Keanggotaan Anggota Lembaga Koperasi dikurangkan dari 9 orang kepada 5 orang sahaja.

Jawapan Usul Pertama

Bilangan ALK dalam pengurusan KPATB telah mengikut Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan dengan Garis Panduan (42) dan Undang-Undang Kecil KPAT 35 di mana :-

- (a) Merujuk Seksyen 42 Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan dengan Garis Panduan menyatakan tertakluk kepada peraturan-peraturan atau perintah atau arahan atau garis panduan, tiap-tiap Koperasi hendaklah mempunyai suatu Lembaga, yang hendaklah terdiri daripada **tidak kurang daripada 6 orang** dan tidak lebih daripada 15 orang anggota yang dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan.

- (b) Merujuk Seksyen 35 Undang-Undang Kecil KPATB menyatakan Lembaga Koperasi hendaklah mengandungi 9 orang yang terdiri daripada anggota yang dipilih oleh mesyuarat agung, menurut seksyen 42 Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan dengan Garis Panduan dan Undang-Undang Kecil KPATB 33(1)(d).

9.7 Lembaga bersetuju mengurangkan Lembaga Koperasi daripada 9 orang kepada 7 orang buat masa ini dengan mengekalkan 2 kekosongan selepas Mesyuarat Agung Ke 54 nanti. Keperluan untuk mengisi 2 kekosongan akan dibincangkan di masa akan datang bergantung kepada keadaan kewangan Koperasi dan keupayaan calon yang bakal dilantik.

9.8 **Usul Kedua**

Kajian semula bayaran elaun ALK dan keperluan mengadakan mesyuarat bulanan dikurangkan.

Jawapan Usul Kedua

Memandangkan jumlah ALK telah dikurangkan sepertimana dinyatakan di perenggan 2.3, maka secara tidak langsung pengurangan kos dapat dilakukan melalui penjimatan bayaran elaun kepada ALK. Namun, Lembaga dari masa ke semasa akan mengkaji semula isu pengurangan elaun dan juga isu pengurangan mesyuarat bulanan tersebut sebagai salah satu usaha dalam mengurangkan kos perbelanjaan Koperasi.

9.9 Tiada bantahan yang diterima daripada anggota berhubung usul-usul di atas. Majoriti anggota bersetuju dengan usul-usul yang dibentangkan. Kpl Muhd Aznil bin Ahmad (N/A:41031) mencadangkan Agenda 9 diluluskan dan disokong Sjn Sanggah Anak Tri (N/A:37928).

AGENDA 10: SUMBANGAN PENDIDIKAN PELAJAR CEMERLANG SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TAHUN 2023

10.1 Senarai penerima adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Anak (Pelajar)	Pencapaian	Nama Anggota	No. Anggota
1	Muhammad Syazwan Ramzi	10A	Mohd Ramizi bin Remli	18536
2	Muhammad Adib	9A	Abd Rahim bin Hamzah	28723
3	Fatin Nur Syakirah	9A	Roshenry bin Md Sharif	27624
4	Wan Muhammad Nuh Al-Hurri	8A	Wan Abdu Malek Al-Hurri	20150
5	Nur'aisyah Amira	8A	Mohamad Hafidz bin Thony	36946
6	Amirah Syamimi	8A	Suhaimi bin Mohamad	43322
7	Nur Adlina Firzanah	8A	Dato' Jaafar bin Marlan	19052
8	Muhammad Qhairi Ziqry	8A	Zulbasri bin Bongsu	39541







PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang terlibat. Beliau juga menyampaikan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang menguruskan Mesyuarat Agung kali ini. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.50 pagi.

LAMPIRAN

Kepada Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 54
29 September 2024

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA PENENTUSAH MINIT
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 54
YANG MENYEMAK DRAF MINIT PADA 14 OKTOBER 2024**

Bil	No. Anggota	Nama Anggota Jawatankuasa	Tandatangan
1	32247	PW I Meor Mohd Faizul bin Abd Karim	
2	6076	Kapt Ahmad Tormudi bin Jaafar (Bersara)	
3	45147	PW II Zairul Efan bin Zainol Abidin	
4	42250	Kpl Wan Asri bin Wan Ibrahim	
5	41546	Kpl Mohamad Hafiz bin Ismail	
6	41031	Kpl Muhd Aznil bin Ahmad	
7	38614	Sjn Mohd Shahril Hafiz bin Mohamad	
8	29490	Kpl Ridhzuan bin Ahmad	
9	29090	Sjn Mohd Aliff Zhafrie bin Marzani	
10	41636	Kpl Hamiduddin bin Hamidon	

LAPORAN LEMBAGA KOPERASI

Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan, penyata dan akaun-akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

1. SENARIO 2024

- 1.1 Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Koperasi telah merekodkan kerugian bersih sebelum cukai berjumlah RM0.459 juta. Prestasi ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh kemerosotan berterusan dalam pendapatan utama daripada aktiviti pembiayaan kepada anggota berikutan kekangan modal. Di samping itu, aset pelaburan hartanah tidak dapat menjana pulangan seperti yang disasarkan, sekali gus menjadi antara faktor penyumbang kepada kerugian yang dialami.


2. PELABURAN DAN HARTANAH

- 2.1 Pendapatan daripada pelaburan dan hartanah mencatatkan penurunan daripada RM1.79 juta pada tahun 2023 kepada RM1.05 juta pada tahun 2024. Faktor utama penyusutan ini adalah pengurangan kadar pulangan sewaan serta pendapatan daripada aset pelaburan hartanah yang terdiri daripada bangunan, tanah dan rumah kediaman. Keadaan ini memberi kesan langsung kepada aliran tunai Koperasi, sekali gus mengurangkan sumbangan segmen pelaburan kepada kedudukan kewangan keseluruhan.

3 PRESTASI


3.1 Keanggotaan

- 3.1.1 Jumlah bilangan keanggotaan Koperasi merekodkan penurunan sebanyak 18.6% dari 4,511 orang kepada 3,672 orang pada tahun berakhir 31 Disember 2024. Manakala bilangan anggota berhenti pada tahun 2024 adalah seramai 564 orang daripada 1,094 orang bagi tahun 2023.
- 3.1.2 Dari segi modal caruman yuran anggota pada tahun 2024 menunjukkan sedikit penurunan daripada RM34.71 juta kepada RM32.62 juta. Manakala bagi modal syer anggota juga menunjukkan penurunan sebanyak 7.0% daripada RM1.15 juta bagi tahun 2023 kepada RM1.07 juta bagi tahun 2024.
- 3.1.3 Graf bilangan keanggotaan dan pegangan modal syer dan yuran adalah seperti di bawah :-



3.2 Pembiayaan Kepada Anggota


- 3.2.1 Jumlah pengeluaran pembiayaan pada tahun 2024 kepada anggota ialah sebanyak RM0.14 juta berbanding RM0.34 juta bagi tahun 2023. Graf pengeluaran pembiayaan bagi tempoh 5 tahun terdahulu disediakan di bawah:-



- 3.2.2 Kemerosotan aktiviti pembiayaan kepada anggota telah memberi impak yang signifikan terhadap perolehan pendapatan Koperasi. Penurunan ini berpunca terutamanya daripada kekangan modal serta kemerosotan aliran tunai, yang menghadkan keupayaan Koperasi untuk mengembangkan portfolio pembiayaan. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keupayaan Koperasi memenuhi permintaan pembiayaan daripada anggota, malah turut memberi kesan kepada daya saing Koperasi berbanding institusi kewangan lain.

3.3 Kutipan

- 3.3.1 Jumlah kutipan ansuran bayaran balik merekodkan penurunan sebanyak 31.6% daripada RM5.58 juta bagi tahun 2023 kepada RM3.81 juta bagi tahun 2024.
- 3.3.2 Graf kutipan bagi ansuran bayaran balik pinjaman dan caruman yuran anggota melalui potongan gaji bagi tempoh 5 tahun terdahulu adalah seperti berikut:-




3.4 Prestasi Kewangan

- 3.4.1 Analisis prestasi kewangan pada tahun 2024 menunjukkan kemerosotan dari segi pengeluaran pembiayaan kepada anggota di mana jumlah pembiayaan yang dikeluarkan adalah sebanyak RM0.14 juta berbanding RM0.34 juta bagi tahun 2023.
- 3.4.2 Bagi tahun kewangan 2024, Koperasi mencatatkan kerugian bersih sebelum cukai berjumlah RM0.459 juta. Sehubungan itu, Koperasi masih belum berupaya mengagihkan dividen kepada anggota bagi tahun berkenaan. Namun begitu, Lembaga Koperasi tetap komited melaksanakan pelbagai langkah penstrukturan dan strategi pemulihan bagi memperkukuh prestasi kewangan. Dengan sokongan padu daripada anggota serta pelaksanaan strategi yang berkesan, Koperasi yakin berupaya mengembalikan keupayaan menjana keuntungan yang mampan, sekali gus membolehkan pengagihan dividen dilaksanakan semula pada masa hadapan.
- 3.4.3 Jumlah perbelanjaan pentadbiran Koperasi mencatatkan penurunan daripada RM0.690 juta bagi tahun 2023 kepada RM0.676 bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. Kos kewangan yang melibatkan caj keuntungan kemudahan pembiayaan dari institusi-institusi kewangan juga merekodkan penurunan sebanyak 35.7% daripada RM0.73 juta pada tahun 2023 kepada RM0.47 juta bagi tahun 2024.

3.4.4 Bagi modal yuran dan syer anggota menunjukkan penurunan sebanyak 6.0% dari RM35.85 juta kepada RM33.69 juta.

3.4.5 Jumlah aset terkumpul Koperasi merekodkan penurunan sebanyak 11.0% iaitu daripada RM 51.73 juta kepada RM46.04 juta bagi tahun 2024.



3.4.6 Pendapatan Koperasi menunjukkan penurunan sebanyak 32.6% daripada RM2.83 juta bagi tahun 2023 kepada RM1.91 juta bagi tahun 2024. Manakala jumlah perbelanjaan operasi dan tadbir Koperasi menunjukkan penurunan 23.8% dari RM3.11 juta kepada RM2.37 juta.




4. MASA DEPAN

- 4.1 Koperasi kini sedang melaksanakan proses penstrukturan semula yang memberi tumpuan kepada aktiviti perniagaan utama, iaitu produk pembiayaan kepada anggota. Pada masa yang sama, Koperasi giat berusaha mencairkan sebahagian aset pelaburan hartanah bagi mengukuhkan semula kedudukan aliran tunai dan modal kerja. Selain itu, penambahbaikan terhadap produk pembiayaan sedia ada sedang dilaksanakan, termasuk kajian semula ke atas had maksimum pembiayaan, kadar caj keuntungan serta tempoh pembiayaan agar lebih selaras dengan keadaan pasaran kewangan semasa.
- 4.2 Koperasi perlu bertindak pantas dan proaktif dalam meneroka pasaran baharu serta mempelbagaikan aktiviti perniagaan. Pada masa yang sama, penglibatan anak syarikat akan diaktifkan melalui pelaksanaan aktiviti perniagaan yang berdaya maju bagi mengukuhkan semula aliran tunai serta prestasi keseluruhan Koperasi dalam menghadapi cabaran masa hadapan. Pendekatan ini dijangka dapat menjana keuntungan yang mampan, seterusnya membolehkan Koperasi memberikan pulangan dividen kepada anggota serta mengembalikan keyakinan dan kepercayaan mereka untuk terus mengekalkan keahlian.
- 4.3 Koperasi yakin dengan pelaksanaan strategi yang berfokus, tadbir urus yang berkesan serta sokongan padu daripada anggota, Koperasi berupaya membina daya saing yang lebih kukuh, berdaya tahan menghadapi ketidaktentuan ekonomi, dan terus berkembang sebagai sebuah organisasi yang berdaya maju.

5. PENGHARGAAN

- 5.1 Bagi pihak Lembaga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan, komitmen dan kerjasama yang tidak berbelah bagi dalam pelbagai bentuk demi kemajuan dan kejayaan Koperasi ini.
- 5.2 Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di atas pandangan, sokongan, panduan dan bantuan yang diberikan selama ini bagi membolehkan Koperasi ini terus maju dan berdaya saing di masa-masa akan datang. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan di semua peringkat di atas kesungguhan dan dedikasi yang ditunjukkan dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan sehingga mampu meletakkan Koperasi berada kukuh hingga kini.
- 5.3 Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan sejawat saya di dalam Anggota Lembaga Koperasi kerana memberi kerjasama, idea, panduan, dan pandangan pihak Juruaudit Dalam dan Luar serta tuan-puan anggota-anggota Koperasi.
- 5.4 Semoga Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad akan peroleh kejayaan dan mampu menahului cabaran yang lebih getir di masa akan datang. Insya Allah.

Sekian, wassalam.



PW I Meor Mohd Faizul Bin Abd Karim
Pengerusi

Markas Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Anggota
Cawangan Tenaga Kerja
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 **KUALA LUMPUR**

18 Jun 2025

MATM/JKAD/KPAT/1/2025 (01)

Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad
(Untuk Perhatian: **Pengerusi Anggota Lembaga Koperasi**)

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JKAD) BAGI TEMPOH TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Rujuk :-

- A. Seksyen 42A Akta KPAT 1993 (Pindaan 2017).
- B. Undang-Undang Kecil Koperasi Perumahan Angkatan Tentera 48, 51(1) dan 51(4).

1. Laporan audit ini disediakan untuk mematuhi kehendak Seksyen 42A Akta KPAT 1993 (Pindaan 2017) dan Undang-Undang Kecil KPAT 48, 51(1) dan 51(4) untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Ke 55.

SKOP

2. Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD) telah melaksanakan pengauditan ke atas sebahagian daripada Pengurusan Kewangan dan Bayaran Caruman Yuran Ahli Berhenti KPAT bagi tempoh tahun berakhir 31 Disember 2024. Asas pengauditan adalah berdasarkan pemerhatian dan temubual mengambil kira pendapat audit berakhir Disember 2023 dan syor tindakan yang perlu oleh Pengurusan KPAT ke atas perkara berikut :-

- a. Maklum balas dan Tindakan Terhadap Audit yang Lepas
- b. Pengurusan Kewangan
- c. Bayaran Caruman Yuran Ahli Berhenti

MAKLUM BALAS DAN TINDAKAN TERHADAP AUDIT LEPAS

3. Berdasarkan kepada semakan Laporan Mesyuarat Agung Tahunan ke 51, JKAD mendapati bahawa semua pemerhatian dan syor telah diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak KPAT.

PRESTASI DAN KEWANGAN KPAT

4. Berdasarkan kepada pemerhatian berkaitan prestasi dan kewangan KPAT, hasil dapatan pemerhatian JKAD melalui aspek utama dilihat iaitu :-

a. **PENDAPATAN**

Hasil pemerhatian mendapati pendapatan utama adalah dari sumber pembiayaan kepada ahli di mana pendapatan ini dilihat semakin merosot kerana aliran tunai semakin berkurangan. Pendapatan sampingan lain adalah dari sumber sewaan hartanah yang terdiri daripada bangunan/rumah.

	2022	2023	2024
Pendapatan Kredit (RM)	2,069,119	945,115	821,835

b. **PERBELANJAAN**

Hasil pemerhatian mendapati perbelanjaan agak tinggi disebabkan caj faedah pinjaman berjangka yang dikenakan oleh beberapa institusi kewangan yang melibatkan kemudahan pembiayaan yang dibuat sebagai suntikan modal oleh KPAT sebelum ini. Selain dari itu kos JMB, cukai dan lain-lain yang berkaitan dengan beberapa pelaburan hartanah yang dimiliki oleh pihak KPAT perlu ditanggung walaupun pendapatan yang dijana dari pelaburan hartanah ini dilihat rendah.

	2022	2023	2024
Caj Faedah Pinjaman Berjangka (RM)	1,057,736	733,778	471,919

c. **ALIRAN TUNAI**

Hasil pemerhatian mendapati jumlah kutipan/tuntutan yang diperolehi dari UGAT dilihat semakin menurun dari masa ke semasa.

	2022	2023	2024
Penerimaan Dari UGAT (RM)	7,532,293	5,521,606	3,774,195

Sumber kebergantungan utama tunai diperolehi adalah melalui sumber ini yang mana dilihat memberi kesan yang negatif secara keseluruhan kepada aliran tunai KPAT dalam menangani perbelanjaan operasi. Selain itu, sumber pendapatan dari aset pelaburan hartanah setelah ditolak dengan kos-kos sampingan dilihat tidak memberi kesan yang positif kepada aliran tunai KPAT.

Walau bagaimanapun, pengurusan KPAT menyedari perkara ini dan telah mengambil inisiatif dan merangka pelan jangka panjang bagi menguruskan aliran tunai sentiasa stabil. Beberapa perkara perlu ditangguhkan bagi mengekalkan KPAT boleh beroperasi dengan baik bagi tujuan menyelesaikan komitmen dan tanggungan yang tinggi. Secara positif KPAT mempunyai perancangan yang jelas untuk kembali rasional. Secara keseluruhan aspek prestasi dan kewangan telah diberi perhatian yang serius dan langkah berjaga-jaga oleh pihak ALK khususnya yang kebanyakannya baru meanggotai ALK dengan dibantu pihak Pengurusan terkini KPAT.

5. SYOR/ CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Hasil daripada penemuan di atas, JKAD ingin mencadangkan beberapa langkah yang boleh di ambil bagi penambahbaikan dalam usaha memperbaiki prestasi dan kewangan KPAT. Cadangan penambahbaikan adalah seperti berikut :-

- a. Memandangkan sumber utama pendapatan KPAT adalah melalui kemudahan pembiayaan kepada anggota, KPAT perlu berusaha mendapatkan suntikan modal bagi menaikkan semula pendapatan kredit ini. Cadangan adalah melalui pelupusan aset-aset pelaburan hartanah sedia ada dapat memberi suntikan modal dan juga dapat mengelakkan dari meminjam modal dari institusi kewangan yang mengenakan caj faedah yang tinggi.
- b. KPAT juga perlu menentukan kumpulan sasar dan mengkaji semula had maksima pembiayaan kepada anggota supaya risiko kegagalan dari segi kutipan dapat diminimumkan dan dapat dielakkan. Selain itu, caj keuntungan dan caj-caj lain termasuk fi proses perlu diambilkira supaya selaras dengan mikro kredit lain ketika ini dalam usaha memberi keuntungan yang sewajarnya kepada KPAT tanpa membebankan anggota yang memohon pembiayaan.

Selain itu, KPAT perlu meneroka peluang-peluang perniagaan yang lain yang boleh menjana keuntungan dalam usaha mengelakkan kebergantungan sepenuhnya kepada sumber pendapatan pembiayaan anggota. Pengaktifan anak syarikat KPAT perlu dilakukan dengan segera khususnya penglibatan dalam aktiviti pembekalan mahupun perkhidmatan atau pengeluaran produk di dalam agensi kerajaan mahupun swasta.

- c. Berdasarkan perbelanjaan dalam menguruskan operasi dan tadbir perlu di ambil perhatian serius khususnya dan ditangani secara berhemah berhubung isu caj faedah dari institusi kewangan termasuk kemampuan bayaran balik kemudahan pembiayaan dan juga kos-kos yang wujud dalam aset pelaburan hartanah.

Cadangan supaya pelaburan aset hartanah yang beku perlu dicairkan dengan segera bagi mengelakkan pengurusan KPAT menanggung bebanan kos yang tidak wajar dengan mengambilkira aset pelaburan tersebut tidak memberi keuntungan dan pulangan yang positif kepada pengurusan KPAT.

KPAT juga dilihat mampu menangani isu caj faedah yang tinggi dari institusi kewangan kerana beberapa pembiayaan yang sedia ada akan berakhir dalam masa terdekat. Justeru, tanggungan dan kos ke atas faedah tersebut dapat dikurangkan langsung dapat meluaskan aliran tunai kepada penyelesaian tanggungan yang lain.

- d. Berdasarkan aliran tunai KPAT, cadangan supaya beberapa aset pelaburan yang pegun perlu dicairkan supaya mampu menyuntik modal bagi kemudahan pembiayaan kepada ahli. Dengan adanya aliran tunai ini pihak pengurusan dapat memberi focus kepada produk utama KPAT iaitu menyediakan pembiayaan kepada ahli KPAT. Produk yang ditawarkan haruslah menepati keperluan ahli dan berisiko rendah terhadap pulangan bagi membolehkan KPAT kembali beroperasi dengan lebih produktif.

BAYARAN CARUMAN YURAN AHLI BERHENTI

6. Berdasarkan kepada pemerhatian berkaitan anggota berhenti, terdapat tunggakan wang berhenti terdiri wang caruman bulanan dan syer yang sepatutnya di bayar balik kepada anggota yang telah berhenti dari menjadi ahli KPAT. Data menunjukkan jumlah bayaran balik seperti di bawah :-

Jumlah Caruman sehingga 31 Disember 2024 (RM)	Jumlah Telah Dibayar (RM)	Baki Belum Dibayar (RM)
16,041,176.37	4,817,996.42	11,223,179.95

- a. Dalam masa pemerhatian, KPAT didapati sebelum ini telah mengambil inisiatif membayar balik duit ahli berhenti melalui kaedah bayaran beransur-beransur berdasarkan kemampuan aliran tunai semasa. Walaupun begitu jumlah tunggakan masih lagi banyak dan pihak KPAT telah berusaha secara berterusan untuk melupuskan aset-aset pelaburan tersebut bagi mendapatkan suntikan aliran tunai sebagai usaha menyelesaikan masalah tunggakan duit berhenti ahli. Keperluan ini penting bagi membina kepercayaan ahli kepada KPAT dan mengelakan dari persepsi negatif kepada KPAT. Tindakan ini mampu memulihkan semula kepercayaan dan menarik minat ahli baru untuk terus bersama KPAT.

KESIMPULAN

7. Pemerhatian JKAD yang boleh ditambahbaik dalam aspek prestasi dan kewangan adalah melalui tadbir urus yang lebih cekap dengan membina pelan jangka panjang dan memahami keperluan kumpulan sasar khususnya dengan menjalankan kajian terperinci selain skop perbincangan berterusan bersama pihak pengurusan dalam membuat sesuatu tindakan melibatkan urus tadbir dan kewangan KPAT.


8. Sistem khidmat pelanggan juga perlu diberi perhatian dalam membantu meningkatkan keboleh percayaan ahli-ahli langsung meningkatkan imej KPAT. Bahagian khidmat pelanggan perlu dititikberatkan dan memerlukan kaedah terbaik dalam menjadikan KPAT sebuah Institusi kewangan yang mampu berdaya saing dan bertanggungjawab dalam melayan keperluan ahli. Penyaluran informasi yang tepat dan telus akan dapat membantu KPAT mendapat kerjasama yang baik daripada setiap ahli.

9. JKAD berharap agar semua pemerhatian, penemuan serta syor yang diberikan oleh pihak JKAD di pandang serius dan dipertimbangkan sewajarnya bagi menangani perkara-perkara di atas.

PENGHARGAAN

10. Pihak JKAD ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga KPAT, staf KPAT serta pengurusan tertinggi KPAT kerana telah memberi kerjasama yang penuh semasa audit ini dijalankan.

11. Laporan ini diangkat untuk perhatian dan tindakan pihak tuan selanjutnya. Sekian, terima kasih.



MOHD SAZWAN SA'AIDI (N/A:28537)

Mej

Ketua Jawatankuasa Audit Dalam



MOHD SHAHRIL HAFIZ BIN MOHAMAD (N/A:38614)

SSjn

Ahli Jawatankuasa Audit Dalam



HAIRUL AZHAR BIN SIROJUDIN (N/A:21532)

PW U I (B)

Ahli Jawatankuasa Audit Dalam

Salinan Kepada :- 1) Anggota Lembaga KPAT
 2) Ketua Pegawai Eksekutif

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

Dan Syarikat Subsidiari

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

A. RAZAK & CO. PLT (AF 0842)
Chartered Accountants

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KANDUNGAN

MUKASURAT

MAKLUMAT KORPORAT	25
LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (c) AKTA KOPERASI 1993	26 - 27
PENYATA ANGGOTA LEMBAGA	28
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	29 - 33
KUNCI KIRA-KIRA	34 - 35
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	36
AKAUN UNTUNG RUGI	37
PENYATA ALIRAN TUNAI	38 - 39
NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	40 - 70

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

PW I Meor Mohd Faizul Bin Abd Karim	Pengerusi
Kapt. Ahmad Tormudi Bin Jaafar (B)	Naib Pengerusi
PW II Zairul Efan Bin Zainol Abidin	Setiausaha
PW U I (B) Samsuddin Bin Ahmad	Bendahari
Lt. Kol. Shahrul Nizam Bin Shafin	Anggota Lembaga
Lt. Kol. Elias Bin Abd Ghani (B)	Anggota Lembaga
PW I (YOS) Nurzalifah binti Mohd Nor	Anggota Lembaga
KPL Wan Asri Bin Wan Ibrahim	Anggota Lembaga
KPL Mohd Zaki Bin Ismail	Anggota Lembaga

PEJABAT BERDAFTAR

No. 35A-1-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5
Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II)
53300 Kuala Lumpur

ALAMAT PENTADBIRAN DAN SURAT-MENYURAT

No. 35A-1-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5
Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II)
53300 Kuala Lumpur

JURUAUDIT BEBAS

A. Razak & Co. PLT (LLP0042238-LCA & AF 0842)
Chartered Accountants
B3-08, Block B, Plaza Dwitasik
Jalan Sri Permaisuri
Bandar Sri Permaisuri
56000 Kuala Lumpur

BANK-BANK UTAMA

Affin Bank Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia
Bank Muamalat Malaysia Berhad
Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (c) AKTA KOPERASI 1993

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Koperasi perumahan Angkatan Tentera Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Kegiatan utama Koperasi adalah memberi pinjaman kepada anggota-anggota, pelaburan serta aktiviti jualan rumah kepada anggota-anggota yang dilaksanakan melalui promosi jualan bersama penaja.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan dibawahnya, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:-

- a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara luar biasa mengikut takrif Seksyen 59(4) Akta Koperasi 1993;
- b) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara penilaian aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai;
- c) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh akaun untung rugi, liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan;
- d) Anggota Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah harta tanah, loji dan peralatan, aset bukan semasa, aset semasa, liabiliti bukan semasa, liabiliti semasa, modal dan rizab yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah;
- e) Tiada pelarasan bukan operasi dibuat ke atas pinjaman anggota pada tahun semasa.
- f) Tiada pelarasan bukan operasi dibuat ke atas modal yuran anggota pada tahun semasa; dan
- g) Keanggotaan pihak Lembaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

PW I Meor Mohd Faizul Bin Abd Karim	Pengerusi
Kapt. Ahmad Tormudi Bin Jaafar (B)	Naib Pengerusi
PW II Zairul Efan Bin Zainol Abidin	Setiausaha
PW U I (B) Samsuddin Bin Ahmad	Bendahari
Lt. Kol. Shahrul Nizam Bin Shafin	Anggota Lembaga
Lt. Kol. Elias Bin Abd Ghani (B)	Anggota Lembaga
PW I (YOS) Nurzalifah binti Mohd Nor	Anggota Lembaga
KPL Wan Asri Bin Wan Ibrahim	Anggota Lembaga
KPL Mohd Zaki Bin Ismail	Anggota Lembaga

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (c) AKTA KOPERASI, 1993 (SAMBUNGAN)


Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain- lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3) Akta Koperasi 1993.



PW I MEOR MOHD FAIZUL BIN ABD KARIM
Pengerusi



PW II ZAIRUL EFAN BIN ZAINOL ABIDIN
Setiausaha



PW U I (B) SAMSUDDIN BIN AHMAD
Bendahari

Kuala Lumpur

Tarikh: **18 AUG 2025**

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ANGGOTA LEMBAGA

Kami, PW I MEOR MOHD FAIZUL BIN ABD KARIM dan PW U I (B) SAMSUDDIN BIN AHMAD, dua orang daripada anggota Lembaga KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Anggota Lembaga, penyata kewangan yang disertakan bersama penyata berkaitan kunci kira-kira, akaun pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai telah disediakan mengikut Piawaian-piawaian Perakaunan dan peruntukan Akta Koperasi 1993 yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Koperasi pada 31 DISEMBER 2024 dan hasil serta aliran tunai Koperasi untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Anggota Lembaga,



PW I MEOR MOHD FAIZUL BIN ABD KARIM
Pengerusi



PW U I (B) SAMSUDDIN BIN AHMAD
Bendahari

Kuala Lumpur

Tarikh: **1 8 AUG 2025**



A. RAZAK & CO. PLT Chartered Accountants
LLP0042238-LCA & AF 0842

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwtasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
☎ 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 ✉ arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my
(Hunting Line)

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Kepada:

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota- anggota KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD

Laporan Terhadap Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD (Koperasi) dan subsidiarinya (Kumpulan), yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada 31 DISEMBER 2024, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting yang dibentangkan pada muka surat 11 hingga 47 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi dan kumpulan pada 31 DISEMBER 2024 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan dibawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

Kami merupakan juruaudit yang bebas daripada Koperasi dan Kumpulan selaras dengan By-Laws (*Professional Ethics, Conduct and Practice*), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan *International Ethics Standards Board for Accountants' International Code of Ethics for Professional Accountants (including International Independence Standards)* ("Kod IESBA") dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan Kod IESBA.



KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab ke atas maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit mengenainya. Maklumat lain termasuk Penyata oleh anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan dan laporan juruaudit mengenainya.

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Koperasi dan ini tidak termasuk Penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Koperasi, menjadi tanggungjawab kami untuk membaca Penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi dan mempertimbangkannya samada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Koperasi dan kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, Anggota lembaga Koperasi bertanggungjawab menilai kemampuan Koperasi untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan Anggota Lembaga Koperasi berniat untuk membubarkan Koperasi atau menghentikan operasi.



KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, samada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan keraguan profesional. Kami juga :-

- Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Koperasi dan Kumpulan.
- Memahami kawalan dalaman yang relevan kepada audit bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi dan kumpulan.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh Anggota Lembaga Koperasi.



KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (Samb.)

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan keraguan profesional. Kami juga (Samb.) :-

- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh Anggota Lembaga Koperasi untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Koperasi meneruskan operasinya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Koperasi dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Koperasi dan Kumpulan tidak lagi beroperasi sebagai usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan, termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.
- memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian mengenai maklumat kewangan bagi entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab terhadap arahan, penyeliaan dan prestasi audit Kumpulan. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami juga berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi dan Kumpulan mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.



📍 B3-08 Block B, Plaza Dwitasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
☎ 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 ✉ arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my
(Hunting Line)

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Laporan Mengenai keperluan Perundangan dan Badan Pegawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sepatutnya, telah disimpan dengan sempurna menurut kehendak Seksyen 58 Akta;
- (b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset Koperasi dalam tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah menurut peruntukan Akta, Peraturan-peraturan Koperasi 2010 di Malaysia dan peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan
- (c) Aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam semua aspek yang material, dinyatakan dengan saksama menurut dasar-dasar perakaunan.

Lain-lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada anggota-anggota Koperasi dan Kumpulan, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

A. RAZAK & CO. PLT
LLP0042238-LCA & AF 0842
Akauntan-akauntan Bertauliah

ABD. RAZAK BIN HJ. NAZAHDIN
No. Juruaudit: SKM (B) 0350
Akauntan Bertauliah
Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: **18 AUG 2025**

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2024

		KUMPULAN		KOPERASI	
		2024	2023	2024	2023
	<u>NOTA</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
ASET BUKAN SEMASA					
Harta Tanah, Loji dan Peralatan					
Alatan komputer	4	1,456	-	-	-
Alatan pejabat	4	-	2,919	-	2,919
Bangunan	4	753,701	778,014	753,701	778,014
Kenderaan	4	-	-	-	-
Perabot	4	69,633	101,679	69,633	101,679
		824,790	882,612	823,334	882,612
Aset tak ketara	5	724,548	850,168	724,548	850,168
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	6	-	-	50,001	50,001
Pelaburan dalam syer siar harga	7	2,353	2,895	2,353	2,895
Pelaburan dalam syer tak siarharga dan dana amanah	8	139,577	139,434	139,577	139,434
Pelaburan dalam hartanah	9	44,094,841	44,170,837	44,094,841	44,170,837
Akaun Deposit Koperasi	10	198,656	198,656	198,656	198,656
Pinjaman anggota	11	15,211,511	17,045,741	15,211,511	17,045,741
Pinjaman kakitangan	12	102,718	103,934	102,718	103,934
		61,298,994	63,394,277	61,347,539	63,444,278
ASET SEMASA					
Pinjaman anggota	11	3,000,000	3,000,000	3,000,000	3,000,000
Pinjaman kakitangan	12	60,000	60,000	60,000	60,000
Aset kumpulan wang rizab statutori	13	637,878	1,234,882	637,878	1,234,882
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	14	3,029,862	2,435,393	3,033,247	2,437,843
Cukai perniagaan dibayar	15	279,424	257,093	279,400	257,093
Wang di bank dan di tangan	16	6,945	30,130	6,473	3,532
		7,014,109	7,017,498	7,016,998	6,993,350
JUMLAH ASET		68,313,103	70,411,775	68,364,537	70,437,628

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2024 (SAMB.)

	<u>NOTA</u>	KUMPULAN		KOPERASI	
		2024	2023	2024	2023
		<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Dibiayai oleh:-					
Modal syer anggota	17	1,066,579	1,147,339	1,066,579	1,147,339
Modal yuran anggota	18	32,620,284	34,705,924	32,620,284	34,705,924
Akaun rizab modal	19	50	50	50	50
Kumpulan wang penebusan syer	20	-	-	-	-
Modal syer ditebus	21	500,000	500,000	500,000	500,000
Tabung khairat kematian	22	357,384	354,533	357,384	354,533
Tabung kebajikan am	23	5,088,302	5,172,814	5,088,302	5,172,814
Kumpulan wang perlindungan peminjam	24	1,419,495	1,418,069	1,419,495	1,418,069
Kumpulan wang perlindungan pembiayaan	25	2,033,199	2,033,199	2,033,199	2,033,199
Rizab Nilai Saksama: Pelaburan dalam syer siar harga	26	131	674	131	674
Kerugian terkumpul		(12,056,852)	(11,597,366)	(11,999,605)	(11,563,911)
KUMPULAN WANG ANGGOTA		31,028,572	33,735,236	31,085,819	33,768,691
Kumpulan wang rizab statutori	27	9,546,286	9,546,286	9,546,286	9,546,286
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pinjaman berjangka panjang	28	5,465,415	8,444,727	5,465,415	8,444,727
LIABILITI SEMASA					
Simpanan anggota	29	4,091,046	4,306,315	4,091,046	4,306,315
Pinjaman berjangka pendek	28	3,000,000	3,000,000	3,000,000	3,000,000
Overdraf bank	30	800,000	147,881	800,000	147,881
Pelbagai pemiutang dan akruan	31	14,354,984	11,204,530	14,350,971	11,198,728
Fi juruaudit swasta	32	26,800	26,800	25,000	25,000
		22,272,830	18,685,526	22,267,017	18,677,924
JUMLAH LIABILITI		27,738,245	27,130,253	27,732,432	27,122,651
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		68,313,103	70,411,775	68,364,537	70,437,628

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	<u>NOTA</u>	<u>KUMPULAN</u>		<u>KOPERASI</u>	
		<u>2024</u> <u>RM</u>	<u>2023</u> <u>RM</u>	<u>2024</u> <u>RM</u>	<u>2023</u> <u>RM</u>
KERUGIAN BERSIH TAHUN SEMASA		(459,486)	(275,238)	(435,694)	(265,670)
Kerugian terkumpul pada awal tahun		<u>(11,597,366)</u>	<u>(11,322,128)</u>	<u>(11,563,911)</u>	<u>(11,298,241)</u>
		(12,056,852)	(11,597,366)	(11,999,605)	(11,563,911)
TOLAK: PEMBAHAGIAN BERKANUN					
Kumpulan wang rizab statutori 5%	27				
Kumpulan wang amanah pendidikan koperasi					
Kumpulan wang amanah pembangunan koperasi					
KERUGIAN BERSIH SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN		(12,056,852)	(11,597,366)	(11,999,605)	(11,563,911)
Tolak:					
Peruntukan cukai	33				
Baki kerugian selepas peruntukan cukai		<u>(12,056,852)</u>	<u>(11,597,366)</u>	<u>(11,999,605)</u>	<u>(11,563,911)</u>
TOLAK: LAIN- LAIN PEMBAHAGIAN					
Dividen dicadangkan- Modal syer anggota					
Dividen dicadangkan- modal yuran anggota					
Honorarium anggota lembaga					
Baki kerugian selepas lain- lain pembahagian		(12,056,852)	(11,597,366)	(11,999,605)	(11,563,911)
Kerugian terkumpul pada akhir tahun		<u>(12,056,852)</u>	<u>(11,597,366)</u>	<u>(11,999,605)</u>	<u>(11,563,911)</u>

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

		KUMPULAN		KOPERASI	
		2024	2023	2024	2023
	NOTA	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN					
Bagi aktiviti:					
Kredit	34	821,835	945,115	821,835	945,115
Perumahan	35	1,052,797	1,785,941	1,052,797	1,785,941
Lain-lain		19,834	103,847	19,834	103,847
Syarikat subsidiari		16,092	-	-	-
JUMLAH PENDAPATAN		1,910,558	2,834,903	1,894,466	2,834,903
PERBELANJAAN					
Bagi aktiviti:					
Kredit	34	1,248,354	1,779,896	1,248,354	1,779,896
Perumahan	35	407,942	639,762	407,942	639,762
Syarikat subsidiari		15,158	-	-	-
		1,671,454	2,419,658	1,656,296	2,419,658
Perbelanjaan am					
Air dan elektirk		25,536	24,677	25,536	24,677
Fi juruaudit swasta		26,800	26,800	25,000	25,000
Bayaran professional dan guaman		18,670	823	18,670	823
Bayaran setiausaha syarikat		-	2,132	-	-
Belanja am pejabat		6,876	5,203	6,408	5,203
Caj bank		480	9,760	449	9,738
Dalal ANGKASA		238	317	238	317
Derma dan sumbangan		5,500	5,000	5,500	5,000
Elaun anggota lembaga	36	316,137	313,677	316,137	311,877
Elaun staff		21,600	1,250	-	-
Elaun penasihat kewangan		-	6,300	-	6,300
Keraian		3,087	7,903	3,087	7,903
Khidmat percukaian		-	13,955	-	12,455
Laman sesawang		873	392	873	392
Latihan dan kursus		-	940	-	940
Pembaikan dan penyelenggaraan	37	46,490	39,496	46,490	39,496
Percetakan dan alat tulis		295	735	-	-
Projek am		209	138	209	138
SST		168	329	-	-
Surat khabar dan publisiti		-	1,230	-	1,230
Susutnilai aset tak ketara		163,120	158,385	163,120	158,385
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		59,642	64,748	59,278	64,748
Tuntutan kakitangan		2,869	3,523	2,869	3,523
Tugas rasmi anggota lembaga	38	-	2,770	-	2,770
		698,590	690,483	673,864	680,915
JUMLAH PERBELANJAAN		2,370,044	3,110,141	2,330,160	3,100,573
KERUGIAN BERSIH					
TAHUN SEMASA		(459,486)	(275,238)	(435,694)	(265,670)

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini
dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2024	2023	2024	2023
	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Kerugian sebelum pembahagian dan cukai	(459,486)	(275,238)	(435,694)	(265,670)
Pelarasan:-				
Susutnilai aset tak ketara	163,120	158,385	163,120	158,385
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	59,642	64,748	59,278	64,748
Susutnilai pelaburan hartanah	75,995	75,995	75,995	75,995
Keuntungan jualan pejabat kedai Sg Petani	-	(615,122)	-	(615,122)
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(160,729)	(591,232)	(137,301)	(581,664)
Pembiayaan anggota dan kakitangan	1,835,446	3,600,946	1,835,446	3,600,946
Pelbagai deposit dan prabayar	(594,469)	(565,121)	(595,404)	(567,571)
Pelbagai pemiutang dan belanja terakru	3,150,454	3,446,066	3,152,243	3,443,864
	4,230,702	5,890,659	4,254,984	5,895,575
Cukai dibayar	(22,331)	(40,615)	(22,307)	(40,615)
Aliran tunai bersih diperolehi dari aktiviti operasi	4,208,371	5,850,044	4,232,677	5,854,960
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN				
Simpanan anggota	(215,269)	(370,684)	(215,269)	(370,684)
Tabung khairat kematian	2,851	(128,939)	2,851	(128,939)
Kumpulan wang kebajikan am	(84,512)	(100,437)	(84,512)	(100,437)
Aliran bersih tunai digunakan untuk bayaran berkanun dan agihan	(296,930)	(600,060)	(296,930)	(600,060)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Terimaan jualan pejabat kedai Sg Petani	-	2,100,000	-	2,100,000
Belian harta tanah, loji dan peralatan	(1,820)	-	-	-
Belian aset tak ketara	(37,500)	(29,500)	(37,500)	(29,500)
Pelaburan saham tak siarharga	(143)	-	(143)	-
Aliran bersih tunai (digunakan untuk) /diperolehi dari aktiviti pelaburan	(39,463)	2,070,500	(37,643)	2,070,500

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMB.)

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2024	2023	2024	2023
	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran pinjaman berjangka	(2,979,312)	(3,745,317)	(2,979,312)	(3,745,317)
Perubahan dalam modal syer anggota	(80,760)	(109,440)	(80,760)	(109,440)
Perubahan dalam modal yuran anggota	(2,085,640)	(2,848,667)	(2,085,640)	(2,848,667)
Perubahan dalam kumpulan wang perlindungan pembiayaan	1,426	3,490	1,426	3,490
Aliran bersih tunai digunakan untuk aktiviti pembiayaan	(5,144,286)	(6,699,934)	(5,144,286)	(6,699,934)
(Pengurangan)/Penambahan bersih dalam jumlah tunai dan bersamaan tunai	(1,272,308)	620,550	(1,246,182)	625,466
Jumlah tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun	1,315,787	695,237	1,289,189	663,723
Jumlah tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun	<u>43,479</u>	<u>1,315,787</u>	<u>43,007</u>	<u>1,289,189</u>
Diwakili oleh:-				
Akaun Deposit Koperasi	198,656	198,656	198,656	198,656
Aset kumpulan wang rizab statutori	637,878	1,234,882	637,878	1,234,882
Wang di bank dan di tangan	6,945	30,130	6,473	3,532
Overdraf bank	(800,000)	(147,881)	(800,000)	(147,881)
	<u>43,479</u>	<u>1,315,787</u>	<u>43,007</u>	<u>1,289,189</u>

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kegiatan utama Koperasi adalah memberi pinjaman kepada anggota-anggota, pelaburan serta aktiviti jualan rumah kepada anggota-anggota yang dilaksanakan melalui promosi jualan bersama penaja.

Pejabat berdaftar dan alamat pentadbiran dan surat-menyurat adalah terletak di No. 35A-1-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II), 53300 Kuala Lumpur.

Jumlah anggota Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad sehingga 31 DISEMBER 2024 adalah seramai 3,672 orang (2024: 4,511 orang). Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada anggota-anggota tentera dan kakitangan awam yang berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan.

Kegiatan utama subsidiari ialah pengurusan hotel dan resort.

Tiada perubahan yang ketara dalam kegiatan utama pada tahun kewangan ini.

Laporan dan penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan oleh Anggota Lembaga Koperasi pada **1 8 AUG 2025**

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN

a) Asas-asas perakaunan

- i) Penyata kewangan Koperasi yang dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) telah disediakan berdasarkan asas konvensyen kos sejarah selaras dengan piawaian perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia.
- ii) Penyata kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi, 1993 dan Kaedah-Kaedah di bawahnya.
- iii) Penyata kewangan subsidiari mematuhi piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 2016.

b) Anak syarikat dan asas penyatuan

i. Anak syarikat

Anak syarikat adalah syarikat di mana Koperasi mempunyai kuasa mutlak untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti syarikat tersebut. Kumpulan akan mengambilkira kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh ditukar semasa menentukan kuasa ke atas syarikat lain.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

b) Anak syarikat dan asas penyatuan (Samb.)

ii. Asas penyatuan

Penyata kewangan disatukan terdiri daripada penyata kewangan Koperasi dan kesemua anak-anak syarikatnya pada tarikh kunci kira-kira. Penyata kewangan anak-anak syarikat ini telah disediakan bagi tarikh laporan yang sama seperti Koperasi.

Anak-anak syarikat yang disatukan dari tarikh berkuatkuasa pengambilalihan iaitu tarikh di mana kumpulan mempunyai kuasa dan akan terus disatukan hingga kuasa dilupuskan. Di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, baki, urusanniaga dan hasil atau rugi laba belum direalisasikan di antara Koperasi dan anak-anak syarikat dihapuskan sepenuhnya. Polisi-polisi perakaunan seragam diterima pakai dalam penyata kewangan disatukan bagi urusanniaga dan peristiwa yang sama.

Pengambilalihan anak-anak syarikat diakaunkan dengan kaedah pembelian. Kaedah perakaunan pembelian melibatkan pengagihan kos pengambilalihan kepada nilai saksama aset-aset diambilalih dan liabiliti-liabiliti, dan liabiliti luar jangka pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan dinilai sebagai agregat nilai saksama pada tarikh pertukaran aset-aset diberikan, ditambah kos-kos lain yang Sebarang lebihan kos pengambilalihan dengan kepentingan Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luar jangka mewakili muhibah. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luar jangka dengan kos pengambilalihan diiktiraf sebagai muhibah atau negatif muhibah.

Kepentingan minoriti merupakan bahagian keuntungan atau kerugian dan aset-aset bersih dalam anak-anak syarikat yang tidak dipegang oleh Kumpulan. Ianya dinilai saksama atas aset-aset dan liabiliti-liabiliti bahagian minoriti yang dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan dan atas perubahan.

c) Harta tanah, Loji dan Peralatan

i) Harta tanah, Loji dan Peralatan

Harta tanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos atau pada harga penilaian ditolak susutnilai terkumpul dan/atau penurunan nilai terkumpul. Sebarang lebihan disebabkan oleh penilaian dikreditkan terus kepada rizab modal.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

c) Hartanah, Loji dan Peralatan (Samb.)

i) Harta tanah, Loji dan Peralatan (Samb.)

Amaun bagi harta tanah, loji atau peralatan adalah disemak pada tarikh kunci kira-kira untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda pengurangan. Jika wujud sebarang tanda tanda tersebut, amaun boleh pulih aset tersebut akan dianggarkan. Rugi dari pengurangan diiktiraf apabila amaun bagi aset tetap melebihi amaun bolehpulihan aset tersebut. Rugi dari pengurangan akan dimasukkan ke dalam akaun untung rugi, melainkan ia mengurangkan penilaian semula yang dibuat sebelumnya, di mana ia akan dimasukkan ke dalam ekuiti. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun bolehpulihan akan dikurangkan oleh amaun tersebut yang telah diiktiraf sebagai susutnilai, di mana tiada nilai yang tertera atau dihapuskira berlaku. Sebarang kenaikan berikutnya di dalam amaun bolehpulihan, akan diiktirafkan dalam akaun untung rugi, melainkan ia mengurangkan kerugian atas penilaian semula aset, akan diambil kira dalam ekuiti.

ii) Susutnilai

Susutnilai tidak diperuntukkan atas tanah milik bebas. Tanah berstatus pajakan disusutnilai berdasarkan tempoh pajakan. Hartanah, loji dan peralatan lain adalah disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos harta tanah, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaannya. Kadar susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut:

Alatan pejabat	3 tahun
Alatan komputer	3 tahun
Bangunan	50 tahun
Kenderaan	5 tahun
Perabot	10 tahun
Sistem perisian pengurusan	10 tahun

d) Pelaburan dalam syer siar harga, syer tak siar harga dan dana amanah

Pelaburan adalah dinyatakan pada kos. Rosotnilai dalam pelaburan hanya diperuntukkan apabila Koperasi berpendapat bahawa rosotnilai tersebut adalah berkekalan. Lembaga koperasi memperuntukkan sebanyak 100% rosotnilai atas pelaburan syer-syer siar harga pada tahun semasa.

e) Pelaburan dalam hartanah

Pelaburan hartanah adalah hartanah (tanah atau bangunan) bagi tujuan memperoleh sewaan. Mengikut model nilai saksama tiada susutnilai dan penjejasan perlu dibuat. Sekiranya terdapat kenaikan atau kurangan ke atas perubahan dalam nilai saksama, perubahan tersebut perlu direkodkan ke Akaun Rizab Penilaian Semula.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

e) Pelaburan dalam hartanah (Samb.)

Pelaburan hartanah yang dibiayai sepenuhnya atau sebahagian oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia hendaklah menggunakan model kos dari awal perolehan sehingga pinjaman atau pembiayaan diselesaikan. Mengikut kos model, aset perlu dibuat susutnilai dan penjejasan aset. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

Bangunan	50 tahun
----------	----------

f) Dividen diterima dari pelaburan dan sekuriti dan dividen dibayar kepada anggota.

Dividen dari pelaburan dan sekuriti diambil kira ke akaun untung rugi dalam tahun dividen tersebut diisytiharkan.

Koperasi akan mengambil kira cadangan dividen ke atas modal syer anggota dan modal yuran anggota yang dicadangkan selepas tarikh kunci kira-kira tetapi sebelum diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan sebagai tanggungan di dalam tahun semasa bagi memenuhi peruntukan Seksyen 57 (5)(b), Akta Koperasi, 1993.

g) Penghutang Perdagangan dan Pelbagai Penghutang

Peruntukan perniagaan yang diragui dibuat berasaskan anggaran kemungkinan kerugian yang dijangka timbul daripada kutipan yang tidak dapat dibuat ke atas penghutang tertentu.

h) Pemiutang Perdagangan dan Pelbagai Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

i) Modal Syer Anggota dan Modal Yuran Anggota

Modal syer anggota dan modal yuran anggota dikategorikan sebagai ekuiti.

j) Cukai

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasa pada tarikh kunci kira-kira.

k) Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai dan bersamaan tunai adalah terdiri daripada tunai di tangan dan di bank, deposit dengan bank berlesen, pelaburan jangka pendek dan mudahniaga serta overdraf bank.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

l) Kemerosotan Nilai Aset

Harta tanah, loji dan peralatan dan lain-lain aset tetap termasuk aset tidak nyata adalah disemak untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda kerugian nilai kemerosotan. Jika wujud sebarang tanda-tanda tersebut, amaun bolehpulih harta tersebut akan dianggarkan. Kerugian dari kemerosotan nilai diiktiraf apabila amaun bagi aset melebihi amaun bolehpulih. Amaun bolehpulih merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai digunakan, yang mana lebih tinggi.

Kerugian dari kemerosotan nilai dimasukkan ke dalam akaun untung rugi, melainkan ia mengurangkan penilaian semula yang dibuat sebelumnya. Sebarang kenaikan berikutnya di dalam amaun bolehpulih, akan diiktirafkan dalam akaun untung rugi, melainkan ia mengurangkan kerugian atas kemerosotan semula aset, akan diambilkira sebagai lebihan penilaian semula dalam ekuiti.

m) Manfaat Pekerja

i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Koperasi. Ketakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketakhadiran masa hadapan diberi pampasan, dan ketakhadiran diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketakhadiran berlaku.

ii) Pelan caruman dinyatakan

Sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang, pihak majikan di Malaysia perlu membuat caruman kepada skim pencen negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam akaun untung rugi sebagaimana ditanggung.

n) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

n) Cukai Tertunda (Samb.)

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

o) Pengiktirafan Pendapatan

i) Fi masuk

Fi masuk anggota Koperasi dikreditkan ke Akaun Untung Rugi sebagai pendapatan Koperasi mengikut Undang-undang Kecil Koperasi 13 (4).

ii) Komisen jualan rumah

Komisen jualan rumah diiktiraf berdasarkan atas akruan mengikut jumlah jualan rumah.

iii) Kos perkhidmatan pinjaman anggota

Kos perkhidmatan pinjaman anggota diiktiraf secara asas akruan mengikut tempoh pinjaman.

p) Pengiktirafan hasil

i) Pendapatan dividen

Pendapatan daripada dividen diiktiraf apabila hak penerimaannya telah ditentukan.

ii) Pendapatan faedah, sewa dan lain-lain pendapatan

Pendapatan faedah, sewa dan lain-lain pendapatan diiktiraf berdasarkan asas akruan.

q) Instrumen Kewangan

i) Instrumen kewangan yang diktiraf di dalam kunci kira-kira.

Instrumen kewangan yang ditunjukkan di kunci kira-kira merangkumi tunai dan baki bank, pelaburan, penghutang, pemiutang dan pembiayaan.

Cara pengiktirafan yang digunakan bagi instrumen kewangan yang diiktiraf di dalam kunci kira-kira adalah dinyatakan di dalam dasar berasingan untuk setiap instrumen berkenaan.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

q) Instrumen Kewangan (Samb.)

ii) Anggaran nilai saksama

Nilai boleh bawa tunai adalah menyamai nilai saksama kerana mempunyai tempoh matang yang pendek.

Nilai saksama untuk harta dan tanggungan kewangan dengan tempoh matang kurang dari setahun hampir menyamai nilai yang dibawa mereka.

3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Koperasi terdedah kepada pelbagai jenis risiko, antaranya termasuklah risiko pasaran, risiko kecairan dan aliran tunai, risiko kredit dan risiko faedah. Pada keseluruhannya, objektif pengurusan risiko kewangan Koperasi adalah untuk memastikan sumber kewangan Koperasi mencukupi dan diuruskan dengan baik dalam pengendalian dan pembangunan operasi Koperasi di samping menguruskan risiko-risiko yang ada.

i) Risiko Pasaran

Koperasi terdedah kepada risiko pasaran yang kebanyakannya disebabkan oleh keadaan ekonomi semasa. Bagi menangani risiko ini, ia merupakan polisi Koperasi untuk menjalankan analisa sebelum melaburkan wangnya.

ii) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Koperasi mengamalkan pengurusan risiko kecairan yang berhati-hati untuk mengurangkan terjadinya perbezaan antara aset dan liabiliti kewangan serta menampung kemudahan kredit yang mencukupi untuk tujuan modal kerja.

iii) Risiko Kredit

Koperasi melabur aset tunainya secara berhati-hati dan menguntungkan. Ia mengamalkan risiko kredit dengan adanya sistem kawalan kredit untuk unit pembiayaan anggota dan memastikan pembiayaan hanya di berikan kepada anggota-anggota yang memenuhi syarat-syarat pembiayaan. Dengan itu, risiko kredit adalah rendah memandangkan pembayaran balik adalah melalui potongan gaji.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

iv) Risiko Faedah

Koperasi terdedah kepada risiko faedah yang tinggi kerana terdapat sumber pembiayaan diperolehi daripada pelbagai bank iaitu Affin Bank Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Co-opbank Pertama Malaysia Berhad dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Perolehan dan aliran tunai operasi Koperasi juga tertakluk kepada kadar keuntungan di pasaran.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

4. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN

KOS

	<u>Alatan komputer</u> <u>RM</u>	<u>Alatan pejabat</u> <u>RM</u>	<u>Bangunan</u> <u>RM</u>	<u>Kenderaan</u> <u>RM</u>	<u>Perabot</u> <u>RM</u>	<u>Jumlah</u> <u>RM</u>
Pada 1 Januari 2023	208,182	239,675	1,215,647	142,736	820,033	2,626,273
Tambahan dalam tahun	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2023 / 1 Januari 2024	208,182	239,675	1,215,647	142,736	820,033	2,626,273
Tambahan dalam tahun	1,820	-	-	-	-	1,820
Pada 31 Disember 2024	210,002	239,675	1,215,647	142,736	820,033	2,628,093

SUSUTNILAI TERKUMPUL

Pada 1 Januari 2023	208,182	229,256	413,320	142,736	685,419	1,678,913
Tambahan dalam tahun	-	7,500	24,313	-	32,935	64,748
Pada 31 Disember 2023 / 1 Januari 2024	208,182	236,756	437,633	142,736	718,354	1,743,661
Tambahan dalam tahun	364	2,919	24,313	-	32,046	59,642
Pada 31 Disember 2024	208,546	239,675	461,946	142,736	750,400	1,803,303

AMAUN DIBAWA

Pada 1 Januari 2023	-	10,419	802,327	-	134,614	947,360
Pada 31.12.2024	1,456	-	753,701	-	69,633	824,790
Pada 31.12.2023	-	2,919	778,014	-	101,679	882,612

Termasuk dalam harta tanah, loji dan peralatan Koperasi adalah bangunan dengan nilai buku bersih berjumlah RM753,700 (2023: RM778,014) yang telah dicagarkan bagi menjamin pinjaman berjangka yang telah diambil oleh pihak Koperasi seperti yang dinyatakan pada Nota 18 kepada penyata kewangan.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

4. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

KOPERASI

KOS

Pada 1 Januari 2023	Alatan komputer	Alatan pejabat	Bangunan	Kenderaan	Perabot	Jumlah
Tambahan dalam tahun	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Pada 31 Disember 2023 / 1 Januari 2024	208,182	239,675	1,215,647	142,736	820,033	2,626,273
Tambahan dalam tahun	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2024	208,182	239,675	1,215,647	142,736	820,033	2,626,273
	208,182	239,675	1,215,647	142,736	820,033	2,626,273

SUSUTNILAI TERKUMPUL

Pada 1 Januari 2023	208,182	229,256	413,320	142,736	685,419	1,678,913
Tambahan dalam tahun	-	7,500	24,313	-	32,935	64,748
Pada 31 Disember 2023 / 1 Januari 2024	208,182	236,756	437,633	142,736	718,354	1,743,661
Tambahan dalam tahun	-	2,919	24,314	-	32,045	59,278
Pada 31 Disember 2024	208,182	239,675	461,947	142,736	750,399	1,802,939

AMAUN DIBAWA

